

Kaedah-kaedah Pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah al-Quran

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 16-27
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 February 2023
Accepted: 14 March 2023
Published: 4 April 2023

[Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Teacher's Teaching Methods in Teaching al-Qur'an Recitation]

Nurul Husna Musaddin¹, Hafizhah Zulkifli^{1*}

1 Pusat Kajian Kepelembagaan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
e-mail: p126240@siswa.ukm.edu.my; hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

* Corresponding Author: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Abstrak

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkasakan ilmu Islam dalam diri pelajar. Justeru, terdapat pelbagai kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam menguasai ilmu tersebut. Pengkaji memfokuskan kepada kaedah pengajaran guru KAFA dalam mengajar Tilawah al-Quran. Hal ini kerana kemahiran guru KAFA dalam penyampaian pengajaran al-Quran masih kurang meluas dan mahir. Oleh itu, kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru KAFA dalam mengajar Tilawah al-Quran dan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah-kaedah yang digunakan terhadap pelajar. Pengkaji memilih pendekatan kualitatif yang menggunakan instrumen dengan mengutip data dan menganalisis data dari kajian-kajian lepas. Selain itu, pengkaji juga mencari maklumat berdasarkan carian atas talian yang mana mampu menjelaskan apa yang hendak dikaji. Oleh itu, secara keseluruhannya, pengkaji mendapati banyak kaedah pengajaran yang digunakan untuk mengajar Tilawah al-Quran. Namun, pengkaji memilih dan memfokuskan kepada kaedah *Talaqqi Musyafahah*, kaedah Tasmik, kaedah Halaqah dan kaedah Tadarus yakni antara kaedah-kaedah yang digunakan dalam mengajar Tilawah al-Quran. Justeru, pengkaji mendapati kaedah yang sering digunakan dalam mengajar Tilawah al-Quran adalah *Talaqqi Musyafahah* kerana ia mencakupi kesemua aspek kaedah yang ada yakni menggunakan kaedah mendengar, membaca, menghafaz, mengulang dan menulis. Hal ini juga dapat dilihat melalui pencapaian pelajar itu sendiri dalam membaca al-Quran.

Kata kunci: Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Kaedah Pengajaran, Kaedah Talaqqi Musyafahah, Kaedah Tasmik, Kaedah Halaqah dan Tadarus, Keberkesanan.

Abstract

Al-Quran and Fardu Ain class (KAFA) is an effort by the Malaysian Ministry of Education (KPM) to empower students with Islamic knowledge. Thus, there are various teaching and learning methods (PdP) in mastering the knowledge. The researcher focuses on the teaching method of KAFA teachers in teaching Al-Quran Recitation. This is because the skills of KAFA teachers in the delivery of al-Quran teaching are still not extensive and skilled. Therefore, the purpose of the study is to identify the teaching methods used by KAFA teachers in teaching Al-Quran Recitation and to identify the effectiveness of the methods used on students. The researcher chose a qualitative approach that used instruments to collect data and analyze data from previous studies. In addition, researchers also look

for information based on online searches which can explain what is to be studied. Therefore, overall, the researcher found many teaching methods used to teach Quranic Recitation. However, the researcher chose and focused on the *Talaqqi Musyafahah* method, the Tasmik method, the Halaqah method and the Tadarus method, which are among the methods used in teaching the recitation of the Quran. Therefore, the researcher found that the method that is often used in teaching Tilawah al-Quran is *Talaqqi Musyafahah* because it covers all aspects of the existing method, namely using the method of listening, reading, memorizing, repeating, and writing. This can also be seen through the achievement of the students themselves in reading the Quran.

Keywords: Al-Quran and Fardu Ain (KAFA) Class, Teaching Method, Talaqqi Musyafahah Method, Tasmic Method, Halaqah and Tadarus Method, Effectiveness.

Cite This Article:

Nurul Husna Musaddin & Hafizhah Zulkifli. (2023). Kaedah-kaedah Pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah al-Quran [Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Teacher's Teaching Methods in Teaching al-Qur'an Recitation]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 16-27.

Pengenalan

Dalam kehidupan, pelbagai cara ataupun kaedah yang ingin diaplikasikan dalam hidup. Begitu juga dalam dunia pendidikan, pelbagai kaedah yang wujud bagi memastikan ilmu yang ingin disampaikan mendapat kefahaman yang mantap dalam kalangan guru mahupun pelajar. Apa itu kaedah pengajaran? Kaedah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke-4 boleh didefinisikan sebagai cara atau peraturan untuk membuat sesuatu terutamanya yang bersistem ataupun yang biasa. Pengajaran pula boleh didefinisikan satu sistem tindakan yang bertujuan untuk menggerakkan pembelajaran (Normiati, 2019). Oleh itu, kaedah pengajaran adalah satu cara tindakan yang bertujuan untuk menjalankan proses pembelajaran.

Apabila dilihat dari aspek pendidikan terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang diwujudkan dan digunakan mengikut keperluan zaman. Dalam kajian lepas, banyak kajian yang membincangkan mengenai kaedah pengajaran yang diaplikasikan dari pelbagai cara dengan mengikut perubahan masa dan teknologi serta silibus mata pelajaran masing-masing. Seperti kajian Fenny Lau *et al* (2020), kajian ini mengkaji tentang kaedah pengajaran secara atas talian. Tahun 2020, menyaksikan perubahan drastik dalam corak pendidikan di Malaysia. Penularan COVID-19 menyebabkan berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah memutuskan penularan wabak tersebut. Dalam tempoh tersebut Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tidak dapat lagi dijalankan secara normal, jadi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyarankan supaya guru-guru gunakan teknologi dan platform yang ada sebagai langkah untuk menyampaikan ilmu. Antara kaedah yang dimaksudkan ialah kaedah perbincangan, projek, penyelesaian masalah, inkuiri, penemuan seminar, simulasi dan forum. Kajian ini memfokuskan kaedah pengajaran atas talian dan pendekatan lebih kepada Guru Bahasa Melayu dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Ada juga kajian yang kaji kaedah pengajaran terhadap guru pendidikan Sejarah. Semua guru melaksanakan kaedah pengajaran langsung berasaskan modul yang interaktif dan mudah. Kajian ini juga mendapati bahawa komunikasi antara guru dan murid merupakan cabaran utama semasa pengajaran (Mohd Ashraf, 2022). Menurut Zulfaqar (2021), kaedah pengajaran

penggunaan bahan bantu mengajar seperti animasi, animasi bercetak, drama dan filem juga memainkan peranan penting bagi untuk menyampaikan kefahaman.

Tetapi apabila melihat dalam konteks Pendidikan Islam, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) juga mempunyai kaedah pengajarannya tersendiri. Sebagaimana yang diketahui KAFA adalah kelas pengajian Al-Quran dan Fardu Ain bermula tahun 1 hingga tahun 6 yang berdaftar dengan Agensi Pelaksana (Pihak Berkuasa Agama Negeri) dengan menggunakan pakai kurikulum, buku teks, peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan mengikut jadual atau waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2020). KAFA juga merupakan satu pendidikan Islam yang banyak membantu dalam membentuk sahsiah pelajar dalam mengenal baik dan buruk. Namun, peranan guru dalam membimbing para pelajar itu sendiri memainkan peranan yang besar untuk meninggalkan impak yang mendalam dalam diri pelajar.

Dalam kajian Bani Hidayat dan Nor Hayati (2018) ia menyatakan tahap guru KAFA dalam PdP Pendidikan Islam pada tahap sederhana dari segi strategi, bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran guru, aspek pedagogi dan tahap profesionalisme guru KAFA. Hal ini juga disokong oleh Mohd Nor et al (2021), menerusi kajiannya terhadap amalan pengajaran guru KAFA perlu dipertingkatkan kemahirannya dalam ilmu metodologi untuk memastikan keberkesanan penyampaian dalam sesuatu proses PdP. Dalam kajian Salleh et al (2021) pengkaji melibatkan KAFA di Selangor yakni ia mendapati bahawa terdapat beberapa kelompangan dalam pendidikan KAFA iaitu dari segi kekurangan latihan atau bengkel kepada guru KAFA terutamanya dalam subjek yang diajar.

Secara umumnya, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru KAFA dalam mengajar Tilawah al-Quran dan melihat keberkesanan terhadap pelajar.

Kajian Literatur

Konsep Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)

Dalam membina negara yang maju, kemahiran dan intelektual individu juga dititikberatkan. Perubahan yang ada dari segala aspek meletakkan sesebuah negara itu selari dengan falsafah yang tercipta oleh negara masing-masing. Namun, apabila melihat dalam bidang pendidikan kini, banyak perubahan yang dilakukan mengikut peredaran zaman serta kecanggihan teknologi. Hal ini sekaligus melahirkan masyarakat yang tinggi intelektualnya, namun kurang kualiti dari segi aspek akhlak. Menurut Ab Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail (2021), terdapat berbagai bentuk cabaran yang dihadapi dalam aspek pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar. Satu aspek utama kini ialah cabaran media sosial yang terbuka dengan budaya negatif berasaskan kepada keseronokan sehingga mengetepikan nilai-nilai Islam. Minda kelas pertama tidak akan terbentuk dan wujud di dalam persekitaran yang mengutamakan hiburan semata-mata tanpa memperkasakan nilai kerohanian dalam jiwa.

Oleh itu, dalam membentuk pelajar-pelajar kini, pendidikan Islam itu sendiri amatlah memainkan peranan yang penting dalam mengisi rohani para pelajar. Pendidikan Islam ialah

pendidikan yang berasaskan kepada ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bagi membentuk akal dan hati, rohani dan jasmani, zahir dan batin sesuai dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad Sabri Osman, 2003). Hal ini juga selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dengan tegas menyebut bahawa, “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.” (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2022).

Justeru, pelbagai usaha pihak kerajaan yakni Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wujudkan untuk memperkasakan pendidikan Islam, terutama bagi pelajar Islam. Menerusi portal rasmi JAKIM dalam pendidikan, pelbagai kelas, institusi ataupun sekolah diwujudkan untuk membentuk pelajar yang cemerlang dari segala aspek. Salah satunya, Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). KAFA adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran serta asas-asas fardu ain. Terdapat lapan subjek dalam kurikulum KAFA antaranya al-Quran, akidah, ibadah, sirah, adab, bahasa Arab, jawi dan khat dan tahfiz al-Quran. KAFA ini merangkumi pelajar tahun satu hingga tahun enam yang berdaftar dengan Agensi Pelaksana, Pihak Berkuasa Agama Negeri dengan mengguna pakai kurikulum buku teks, peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dengan mengikut jadual atau waktu PdP yang ditetapkan oleh JAKIM. Falsafah KAFA adalah satu usaha yang berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar Islam ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan al-Quran dan al-Sunnah yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam (JAKIM, 2020).

Banyak kepentingan ilmu KAFA dalam kehidupan pelajar-pelajar kini. Salah satunya, ia dapat membimbing para pelajar hidup dengan berlandaskan sumber utama dalam agama Islam yakni al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana, seperti yang diketahui, al-Quran itu sendiri adalah contoh yang terbaik yang merangkumi segala aspek tidak kiralah dari segi akhlak, akidah mahupun insaniah, maka wajar bagi setiap aspek, lagi-lagi pendidikan untuk jadikan al-Quran sebagai rujukan utama. Dalam pembelajaran, ilmu fardu ain menduduki tempat pertama, keutamaan mata pelajaran yang terkandung dalam ilmu fardu ain dapat mengatasi dan menuntun segala mata pelajaran yang lain. Besar tuntutan bagi seseorang pelajar untuk mendalami ilmu fardu ain ini, kerana ilmu ini dikehendaki berupaya untuk menghidupkan dan memansuhkan unsur-unsur dan faham asas Islam ke dalam setiap cabang ilmu pengkhususan yang dipelajarinya tersebut (Mukhlis Nugraha, 2017).

Penubuhan KAFA ini juga jelas memperlihatkan kepentingan ilmu fardu ain itu sendiri di mana tujuannya ingin memastikan kanak-kanak Islam yang berumur tujuh hingga dua belas tahun dapat mempelajari, menguasai dan memperkukuhkan bacaan al-Quran dengan baik dan mengamalkan perkara-perkara asas fardu ain (JAKIM, 2020). Hasil PdP KAFA ini dapat menyediakan para pelajar untuk mempercayai, memahami dan mengamalkan ajaran Islam

melalui bimbingan, pengajaran atau aktiviti latihan yang ditetapkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Moh Afiful Hair, 2018).

Oleh itu, KAFA adalah salah satu program pendidikan yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri seseorang pelajar agar dapat menzahirkan tingkah laku yang melambangkan agama Islam itu sendiri. KAFA juga bukan sahaja dapat melahirkan pelajar yang berperibadi unggul malah dapat membina seorang pelajar yang cemerlang dalam akademik dalam semua mata pelajaran. Justeru, pelbagai bentuk kaedah PdP KAFA diwujudkan demi untuk memberi kefahaman dan pengukuhan dalam ilmu yang dipelajari tersebut.

Dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang efektif, guru memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pelbagai kaedah yang dilaksanakan untuk melengkapi proses PdP secara dua hala ini yakni antara guru dan pelajar yang dapat membentuk kefahaman dalam diri pelajar tersebut. Bidang dan cara yang dipraktik oleh para guru bukan sahaja bertujuan untuk memberi kefahaman semata-mata kepada pelajarannya. Namun, ianya juga dapat memberi manfaat kepada para pelajar untuk digunakan sampai bila-bila. Lagi-lagi buat guru KAFA yang mengajar subjek Tilawah al-Quran, kaedah pengajaran yang digunakan seharusnya dapat memberi impak kepada pelajar agar pelajar dapat menguasai apa yang dipelajari. Dalam kajian Rabiatuladawiyah dan Mohd Nizam (2020), aspek persediaan guru diambil berat kerana ia memberi pengaruh yang besar terhadap sesuatu kejayaan perubahan. Pembelajaran yang berkesan dapat diwujudkan sekiranya guru mengetahui teknik yang sesuai untuk mengajar pelajar yang menghadapi pelbagai kekurangan. Kesediaan guru itu amat penting dan kaedah pengajaran itu seharusnya sesuai mengikut diri pelajar. Aspek kelemahan dalam setiap pelajar perlulah dicakna supaya guru tidaklah hanya mengajar mengikut kehendak sendiri.

Selain itu, menurut Norhisham *et al* (2019), aspek kaedah pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas didapati kurang memberi kesan terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar walaupun telah diajar selama enam tahun di peringkat sekolah rendah. Maka, kaedah pembelajaran Tilawah al-Quran pada peringkat sekolah rendah perlu dipertingkatkan untuk mengatasi masalah tersebut. Dalam kajian ini juga, ada menyatakan berkaitan kaedah *Talaqqi Musyafahah* di mana kaedah yang digunakan untuk mempelajari al-Quran dengan bersemuka melalui mendengar, membaca, menghafaz, menulis dan mengulang. Namun, terdapat juga sedikit kekangan melalui kaedah tersebut kerana proses yang lambat dan bilangan pelajar yang ramai.

Seterusnya dalam kajian Muhammad Amirul *et al* (2022), para pengkaji cuba menelusuri reaksi para guru KAFA terhadap tahap pengetahuan pelajar dalam pembacaan al-Quran yang efektif. Empat kaedah pengajaran yang dinyatakan oleh para pengkaji yakni kaedah pengajaran perbandingan, halaqah, petunjuk dan perbincangan mendapat pelbagai hasil dapatan terhadap kajian yang dijalankan. Hal ini juga bertujuan untuk memenuhi objektif yang terdapat pada Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu satu usaha untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, masih terdapat lagi beberapa kaedah pengajaran berkesan yang lain dapat diaplikasikan ataupun digunakan untuk mendapatkan hasil pembelajaran dari pelajar yang meninggalkan impak yang berguna dalam diri pelajar.

Kesimpulannya, untuk dapatkan proses Pdp yang berkesan, kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh pendidik haruslah memainkan peranan penting dalam memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar. Lagi-lagi buat guru KAFA yang mengajar subjek Tilawah al-Quran. Pelbagai kaedah pengajaran dapat digunakan untuk melahirkan pelajar yang mahir al-Quran. Oleh itu, dalam kajian ini akan memfokuskan kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru KAFA dalam menyampaikan proses Pdp kepada para pelajar.

Objektif Kajian

Menurut Fuad Mohamed (2019), objektif kajian adalah inti pati kepada tujuan sesuatu kajian dijalankan. Justeru, objektif kajian ini adalah, 1. Mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru KAFA yang digunakan untuk mengajar Tilawah al-Quran, dan 2. Mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran guru KAFA terhadap pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif iaitu analisis dokumen. Dokumen yang diambil adalah artikel daripada kajian-kajian lepas dari data google scholar, scopus dan jurnal terindeks.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Sabda Rasulullah SAW:

عن انس بن مالك رضي الله عنه قال رسول الله من علم ابنه القرآن نظرا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخرو من علمه إياه ظاهرا بعثه الله يوم القيامة على صورة ليلة الدر ويقال لابنه اقرأ فكلما قرأ آية رفع الله عزوجل الأب بها درجة حتى ينتهي إلى آخر ما مضاه من القرآن

Yang bermaksud: Sesiapa yang mengajar al-Quran kepada dosanya yang lalu dan orang yang terkemudian dan sesiapa yang mengajarnya secara menghafaz, Allah SWT akan membangkitkannya di hari akhirat seperti bulan purnama dan dikatakan kepada anaknya, bacalah! Tiap-tiap kali dia membaca satu ayat daripadanya Allah mengangkat darjat bapanya hinggalah sampai akhir ayat yang dihafaznya (Riwayat al-Thobrani).

Dalam hadis tersebut jelas memperlihatkan kepentingan guru dalam mendidik para pelajar mengenai pendidikan al-Quran. Seperti yang diketahui, al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad melalui perantaraannya Malaikat Jibril AS. Tujuan al-Quran diturunkan adalah dengan matlamat untuk membersihkan jiwa, berdakwah dan menyeru manusia ke arah kebaikan. Ianya juga merupakan kitab yang terakhir yang diturunkan sebagai panduan lengkap buat manusia untuk membimbing kehidupan ke jalan yang direndai oleh-Nya (Mohamad Ashraf, 2018). Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yakni,

“Satu usaha yang berterusan bagi para pendidik untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.” (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015)

Objektif utama dalam mempelajari pendidikan Islam dalam kehidupan adalah untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai pengisian minda, pembentukan hati dan tingkah laku yang terarah kepada keredaan Allah. Maka, untuk mencapai matlamat tersebut, KPM telah wujudkan satu asuhan Tilawah al-Quran sekolah rendah di mana ia memfokuskan untuk memupuk ilmu al-Quran dalam diri pelajar. Asuhan ini merupakan satu komponen yang penting dalam mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah. Hasil daripada kurikulum ini, ia sedang dijalankan secara serentak yang terbahagi kepada tiga asuhan yakni asuhan Tilawah al-Quran KBSR, asuhan Tilawah al-Quran j-QAF dan asuhan Tilawah al-Quran KSSR. Seterusnya, usaha ini dapat dilihat lagi pada tahun 2005 yakni apabila KPM melaksanakan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam meluaskan lagi pendidikan al-Quran dalam kalangan pelajar. Hakikatnya, KAFA ini telah dijalankan sejak tahun 1990 lagi. Ia menekankan kemahiran membaca al-Quran dan pengetahuan serta pemahaman asas-asas fardu ain. Ia juga merupakan satu program yang dirangka khas yang bertujuan untuk memperkasakan pendidikan Islam dikalangan pelajar (Hafizul Rasdi *et al*). Hal ini dilaksanakan untuk melahirkan guru dan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam setiap aspek yang terlahir daripada mempelajari pendidikan al-Quran ini.

Justeru, pendidik menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam hendak menjayakan objektif dan matlamat yang telah dinyatakan. Banyak kaedah pengajaran yang dapat digunakan dalam mendidik al-Quran. Dalam proses PdP, pelbagai pedagogi digunakan bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Khususnya, apabila dilihat pada subjek Tilawah al-Quran. Guru pendidikan Islam (GPI) yakni fokus kepada guru KAFA menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam menyampaikan PdP al-Quran yang mampu meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh itu, salah satu pedagogi yang akan dibincangkan oleh pengkaji adalah kaedah *Talaqqi Musyafahah*, kaedah Tasmik, kaedah Halaqah dan Tadarus.

Kaedah *Talaqqi Musyafahah*

Kaedah yang kerap digunakan dalam PdP al-Quran ialah kaedah *Talaqqi Musyafahah*. Kaedah ini merupakan kaedah tradisional yang ada sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan ia masih kekal sehingga kini. Walaupun pengaplikasian kaedah ini kepelbagaian, namun kaedah ini masih diguna pakai dalam proses PdP al-Quran. *Talaqqi Musyafahah* merupakan kaedah asuhan Tilawah al-Quran melalui perpindahan secara terus dari guru kepada pelajar secara berdepan seorang dengan seorang (Noorhayati 2012). Menurut Norhisham *et al* (2019), *Talaqqi Musyafahah* adalah pertemuan antara guru dan pelajar secara bersemuka di dalam satu majlis pada masa tertentu di mana pelajar menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan pelajar dan perbetulkan kesalahannya.

Kaedah ini juga penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terutamanya yang melibatkan bidang Tilawah al-Quran dan bidang Tahfiz al-Quran. Kaedah ini merupakan kaedah yang tepat dan yang sering digunakan oleh seorang guru dalam mendidik pelajar mempelajari al-Quran. Walaupun terdapat kekangan dalam melaksanakan kaedah ini seperti tidak boleh gunakan kaedah ini terhadap kelompok pelajar yang ramai. Namun, kaedah ini banyak membantu para pelajar dalam meningkatkan prestasi dalam membaca al-Quran. Tujuan kaedah ini adalah bagi memastikan pelajar dapat melihat secara dekat gerak mulut, pergerakan pipi dan cara mengalunkan nafas semasa membaca ayat-ayat al-Quran yang ditunjukkan oleh guru sebagai bacaan contoh (Noorhayati 2012). Ianya juga diamalkan untuk mengikut Sunnah yang sedia ada yakni kaedah ini, kaedah yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dan Malaikat Jibrail AS dalam proses penyampaian wahyu dari Allah SWT. Oleh itu, kaedah ini merupakan satu disiplin pembelajaran al-Quran yang diwarisi oleh Rasulullah SAW daripada Malaikat Jibrail AS dan dipraktikkan kepada para sahabat dan juga para tabiin (Nurul Huda et al 2019)

Keberkesanan kaedah ini juga dapat dilihat dalam kajian Mohd Syakir dan Mohd Farid (2021) yakni perkembangan kaedah ini berjaya menyebarkan risalah al-Quran dan ilmu Islam secara tidak langsung. Ianya juga dapat menghasilkan keupayaan pembacaan al-Quran yang berkesan dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Hal ini kerana pengajaran guru mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Tilawah al-Quran. Ianya juga dapat membantu memperkenalkan kepada para pelajar untuk mengenal huruf, tajwid dan maksud ayat al-Quran yang dibaca. Oleh itu, guru memainkan peranan penting apabila menyampaikan dengan menggunakan kaedah *Talaqqi Musyafahah* ini.

Kaedah Tasmik

Seterusnya, kaedah Tasmik. Kaedah Tasmik ini juga merupakan kaedah yang digunakan oleh guru KAFA dalam menyampaikan pengajaran. Dalam panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tasmik ini membawa maksud sebagai semakan hafazan al-Quran bersama guru ataupun rakan untuk melancarkan proses bacaan. Menurut Ashraf *et al* (2020) Tasmik adalah perkataan yang diambil dari Bahasa Arab yang membawa maksud mendengar. Ia memperdengarkan hafazan baharu kepada guru. Kaedah ini juga perlu dilaksanakan secara bersemuka kerana guru dapat mengetahui kelemahan bacaan pelajar dalam waktu yang cepat. Kaedah ini membantu para guru untuk memperbaiki bacaan pelajar dengan tepat dan sekaligus dapat mengetahui dan mengenal tahap kebolehan sebenar pelajar.

Justeru, kaedah ini bertujuan untuk menguji tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan bacaan dan hafazan al-Quran dan dapat membimbing pelajar agar meneruskan hafazan lebih baik. Namun, kaedah Tasmik ini juga mempunyai kelemahan dalam melaksanakan kaedah ini. Menurut Rosmaini, kaedah Tasmik ini hanya bersesuaian untuk sesetengah pelajar sahaja, khususnya pelajar-pelajar yang boleh membaca al-Quran dengan baik. Tetapi tidak kesemua pelajar yang mempunyai kebolehan dalam membaca al-Quran dengan baik. Justeru, untuk mengaplikasikan kaedah ini ia memerlukan bilangan guru yang ramai kerana kaedah Tasmik ini sangat berkesan jika dilakukan secara individu. Oleh itu, bilangan guru agama perlu ditambah untuk menjalankan kaedah ini.

Keberkesanan kaedah ini dapat dilihat dari peningkatan pelajar itu sendiri dalam menghafaz al-Quran. Apabila seorang guru memenuhi semua aspek dalam menggunakan kaedah ini dalam pengajarannya, maka, tercapailah objektif dan kaedah tersebut mampu mempengaruhi pelajar itu sendiri (Fenny Farhana dan Hafizhah Zulkifli 2021). Oleh itu, penggunaan kaedah ini memerlukan kemahiran guru yang ramai yakni fokus terhadap pelajar untuk meningkatkan kemajuan pelajar dalam membaca al-Quran dengan lancar dan mahir.

Kaedah Halaqah dan Tadarus

Kaedah Halaqah dan Tadarus adalah kaedah pengajaran yang juga digunakan dalam mempelajari al-Quran. Dua kaedah ini merupakan kaedah yang juga dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW. Halaqah adalah sistem pengajian berbentuk bulatan. Kaedah ini menempatkan kedudukan guru ditengah bulatan dan dikelilingi oleh pelajar. Pelaksanaannya kebanyakannya digunakan di masjid atau pusat-pusat pendidikan Islam pada zaman Rasulullah SAW. Namun kini, penggunaan kaedah Halaqah ini di merata tempat asalkan berpusatkan guru ditengah bulatan (Mohd Zahirwan *et al* 2020).

Manakala, kaedah Tadarus pula adalah kaedah pengajaran al-Quran yang dibaca secara bergilir-gilir dalam sebuah kumpulan. Tadarus juga merupakan kaedah yang saling mengajar dan belajar antara ahli di dalam kumpulan Tadarus. (Admin 2022). Dua kaedah ini bertujuan untuk memahirkan pelajar dalam membaca al-Quran dengan bukan sahaja bantuan guru malah dengan bantuan rakan sekumpulan juga. Hal ini dapat lagi memperkukuhkan bacaan al-Quran sekaligus memperbaiki tajwid antara satu sama lain. Ianya juga bertujuan mendidik para pelajar dan membimbing rakan sekumpulan ke arah lebih baik. Secara tidak langsung ia merapatkan ukhuwah antara pelajar dan guru (Kamarul Azmi dan Mohd Aderi 2013). Maka keberkesanan dua kaedah pengajaran ini adalah bergantung kepada kerjasama yang dilakukan antara guru dan pelajar dan juga antara pelajar itu sendiri.

Secara umumnya, pengkaji mendapati kaedah yang sering digunakan dalam mengajar al-Quran kepada para pelajar adalah kaedah *Talaqqi Musyafahah* berbanding kaedah lain dalam mengajar subjek Tilawah al-Quran ini. Hal ini kerana, kaedah ini telah mencakupi kesemua aspek dari kaedah yang telah dinyatakan. Seperti yang diketahui, kaedah ini juga merupakan kaedah yang digunakan awal lagi yakni sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Kaedah ini dapat dilihat dengan cara pengaplikasiannya yakni mendengar, memahami, menghafaz dan mengulang pada apa yang dibaca. Hal ini juga sama dengan kaedah lain, cumanya kaedah ini lebih terfokus kepada pelajar dengan perhatian penuh oleh guru. Oleh itu, keberkesanannya dapat dilihat dengan pencapaian pelajar itu sendiri dengan menguasai ilmu al-Quran yang dipelajari.

Cabaran

Melihat pada era kini, perubahan dalam melaksanakan proses PdP semakin ketara dengan kepesatan dalam kecanggihan teknologi. Justeru, kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam kajian ini banyak dilakukan dengan kepelbagaian cara. Hal yang paling jelas dapat dilihat adalah

pembelajaran al-Quran secara atas talian. Cabaran yang dilalui oleh guru dengan menggunakan platform secara atas talian, amat terbatas disebabkan kekangan capaian internet dan juga kurang mahir dalam menggunakan semua teknologi yang sedia ada. Namun, ianya bukan satu halangan buat guru KAFA ini dalam menyampaikan PdP. Menurut Musliza dan Mokmin (2015), pengajaran yang berbantuan multimedia ini juga boleh menjadikan pengajaran al-Quran lebih mudah difahami oleh pelajar. Begitu juga dengan pandangan Nur Syamira *et al* (2017) yang menyatakan bahawa perisian multimedia mampu memberi sumbangan yang besar dalam bidang Tilawah al-Quran.

Oleh itu, guru KAFA itu sendiri perlu berusaha dalam memahirkan diri dengan teknologi yang ada bagi mencapai objektif FPI dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan juga akhlak. Ianya juga dapat membantu melahirkan pelajar yang cinta akan al-Quran dan mampu memberi sumbangan kepada agama Islam.

Kesimpulan

Secara umumnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru amat penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari segi akademik mahupun sahsiah. Hal ini kerana, guru itu merupakan model terbaik dan dekat pelajar sepanjang proses menimba ilmu. Oleh itu, guru khusus guru agama seperti guru KAFA harus memahirkan diri dengan pelbagai teknik mahupun kreativiti dalam menyampaikan pengajaran bagi memberi kefahaman yang jelas dan sekaligus dapat dipraktikkan oleh pelajar. Pelajar yang cemerlang terlahir daripada guru yang cemerlang.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Ahmad Munawar Ismail. 2021. Hubungan Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. 19 (June): 1-13.
- Ahmad Sabri Osman. 2003. Konsep Pendidikan Islam. *Jurnal Intelek*. 1 (1): 22-38.
- Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Huda Hassan. 2020. Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik COVID-19. *Bicara Dakwah Kali ke-21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*.
- Admin. 2022. *Maksud Tadarus, Adab dan Kelebihannya*. <https://azdan.my/maksud-tadaraus-al-quran/#:~:text=Bacaan%20secara%20tadarus%20juga%20dinamakan,lain%20untuk%20memastikan%20bacaannya%20betul>. 12 Januari 2022.
- Bani Hidayat Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib. 2018. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 1 (12): 150-159.
- Creswell. 1994. *Research Design Qualitative & Quantitative Approaches*. Sage Publication. New York.
- Fariza Khalid. 2014. *Objektif & Persoalan Kajian*. https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan_kajian_.pdf. Universiti Kebangsaan Malaysia. Oktober 2014.

- Fuad Mohamed Berawi. 2019. *Panduan Menulis Tesis*. https://www.researchgate.net/publication/337948397_Fuad_Mohamed_Berawi_2019_Panduan_menulis_tesis. Universiti Utara Malaysia. Januari 2019.
- Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie. *Kekuatan Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Bahagian Betong Sarawak*. 2023. Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia. https://www.academia.edu/29614688/kekuatan_pendidikan_kelas_al_quran_dan_fardu_hu_ain_kafa_di_bahagian_betong_sarawak_doc. 26 Januari 2023.
- Hamdan Mohd Salleh, Affezah Ali, Ng Ming Yip & Afina Nazira Afnezul. 2021. Training Needs Among KAFA Teacher: A Case Study in Selangor. *Selangor Humanities Review*. 5 (1): 200-207.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)*. <https://www.islam.gov.my/ms/pendidikan/kafa>. 1 Disember 2020.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2019. *Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz al-Quran*. Darul Quran JAKIM. Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)*. <https://www.islam.gov.my/ms/pendidikan/kafa>. 1 Disember 2020.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. 2013. *Sejarah, Kaedah serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI. 28-29 Oktober 2013. Masjid Negara, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2015. *DSKP Pendidikan Islam Tahun 6*. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1265-dskp-kssr-pendidikan-islam-tahun-6/file>. 18 Mac 2016.
- Mahizer Hamzah, Abdul Talib Mojamed Hashim, Noraini Mohamed Noh & Norazilawati Abdullah. 2014. *Modul Pendidikan Jarak Jauh: KRL 3033 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak.
- Mohd Ashraaf & Shahlan Surat. 2022. Meneroka Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Luar Talian Murid Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*. 7 (8): 1-22.
- Moh Afiful Hair. 2018. Pendidikan Agama Islam Dalam Keluarga dan Masyarakat. *AHSANA MEDIA: Jurnal Pemikiran, Pendidikan dan Penelitian Ke-Islaman*. 4 (2): 27-34.
- Mohd Syakir Moktar & Mohd Farid Mohd Sharif. 2021. Kaedah *Talaqqi Musyafahah* Dalam Tilawah al-Quran. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. 32 (1): 153-174.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimah Ismail, Abd Munir Mohd Noh, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Paiz Hassan & Ahmad Bakhtiar Jelani. 2020. Manifesti Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW: Aplikasi dalam Sistem Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 7 (2): 51-67.
- Mohamad Ashraf. 2018. *Bayan Linnas Siri ke-139 : al-Quran : Kalamullah yang Mukjizat*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>. 26 Jun 2018.

- Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulaziz Mohd Nawawi & Norhisham Mohamad. 2022. Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Berkesan Dalam Pengajaran Tajwid al-Quran dalam Kalangan Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Negeri Kedah. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*. 5 (1): 40-55.
- Muhammad Zulfiqar & Anuar Ahmad. 2021. Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*. 6 (2): 211-221.
- Mukhlis Nugraha. 2017. Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya dalam Kokurikulum Pendidikan Islam. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*. 10 (2017): 103-149.
- Normiati & Abdul Said. 2019. Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*. 4 (2): 30-42.
- Norhisham Muhammad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran Wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4 (32): 273-283.
- Nor Masliza Mustafa & Mokmin Basri. 2015. *Teori Reka Bentuk Perisian Pembelajaran al-Quran berkonsepkan Multimedia dalam Mengatasi Perbezaan Individu*. Seminar antara Universiti Pengajian Lulusan Ijazah (SAPLI 2015). 16-17 Disember 2015. The Everly Hotel, Putrajaya.
- Noorhayati Hashim. 2012. *Kaedah Mengajar al-Quran EBK 2123: Program Pensiswazahan Guru*. Universiti Sains Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- Norhisham Muhammad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol. 4, Issues 32. 273-283.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar & Nor Hafizi Yusof. 2019. Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran al-Quran. *Malaysian Journal For Islamic Studies*. 1 (1): 27-35.
- Nur Syamira Abd Wahab, Nor Syamira Abd Wahab, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony & Dedel Febrian. 2017. Kefahaman al-Quran dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Multimedia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 1 (1): 154-174.
- Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. 2020. Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3 (2): 199-211.
- Rosmaini Zakaria. 2023. Kelebihan Kaedah Tasmi'. <https://www.scribd.com/doc/130499849/Kelebihan-Kaedah-Tasmi>. 31 Januari 2023.
- Yao Feng, Fen, Liang & Shin. 2020. Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 11 (1): 57-74.